



1100088976

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UPM)  
Universiti Malaysia Terengganu

LP 8 FPE 2 2008



1100088976

## Analisis corak pendapatan dan perbelanjaan isi rumah di Kuala Terengganu / Bong Li Fong.



**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100088976

1100088976

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**ANALISIS CORAK PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN  
ISI RUMAH DI KUALA TERENGGANU**

**BONG LI FONG  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
(UMT)  
2008**

## **PENGAKUAN**

Saya akui Kertas Projek (EKN4998/4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

20 APRIL 2008

---

BONG LI FONG  
UK 12634

## **DECLARATION**

I hereby declare that this Project Paper (EKN4998/4999) is the result of my own investigation and finding, accept where otherwise stated.

20 APRIL 2008

---

BONG LI FONG  
UK 12634

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam membantu saya untuk menyempurnakan kertas kajian ini. Kertas kajian ini telah berjaya disiapkan pada tempoh masa yang ditetapkan atas bantuan dan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak-pihak berkenaan.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia utama kertas projek ini, iaitu Puan Noorhaslinda Bt Kulub Abd. Rashid atas kesudian beliau meluangkan masa menyemak dan memberi tunjuk ajar kepada saya selama ini. Begitu juga dengan penyelia kedua, Encik Nanthakumar a/l Loganathan dan penyelaras kertas projek, Encik Muhammad Najit Sukemi yang telah banyak memberi garis panduan untuk menyiapkan kertas kajian ini.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penduduk Kuala Terengganu yang sudi membantu dalam mengisi borang soal selidik dan rakan-rakan yang turut membantu dalam kerja pengagihan borang soal selidik. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga yang telah banyak memberi sokongan moral dan kewangan kepada saya selama ini.

Sekian, terima kasih.

BONG LI FONG  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

## **ABSTRAK**

Isu mengenai kemiskinan dan kualiti hidup di Kuala Terengganu menjadi sangat penting kerana kebanyakannya daripada isi rumah tergolong dalam golongan miskin dan pembasmian kemiskinan di kalangan golongan ini menjadi salah satu aspek yang ditekankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pembasmian kemiskinan di Kuala Terengganu harus menekankan kepada pembangunan sektor utama yang produktif dan mampu membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Kajian ini menganalisis corak pendapatan dan perbelanjaan isi rumah di Kuala Terengganu. Kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh Joseph P. Dejuan (1999) serta Joanne Cutler (2005) menunjukkan bahawa sememangnya terdapat hubungan yang kuat antara pendapatan dan kekayaan dengan perbelanjaan isi rumah. Justeru itu, kajian ini memberi tumpuan kepada aspek pendapatan, perbelanjaan, pinjaman, tabungan dan taraf hidup isi rumah. Data yang digunakan merupakan data primer yang dikumpulkan melalui kaedah soal selidik yang dilakukan ke atas 100 orang responden yang dipilih secara rawak di kawasan sekitar Kuala Terengganu. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah SPSS. Hasil kajian korelasi menunjukkan bahawa tabungan mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan jumlah pendapatan. Perbelanjaan makanan dan pengangkutan atau komunikasi mempunyai hubungan kuat dengan jumlah pendapatan manakala hubungan antara perbelanjaan kesihatan dengan jumlah pendapatan adalah sederhana. Dari aspek perbelanjaan pendidikan pula, kajian mendapati bahawa hubungan di antara perbelanjaan pendidikan dengan jumlah pendapatan dan jumlah pinjaman adalah sederhana. Walau bagaimanapun, keputusan kajian regresi menunjukkan bahawa semua pemboleh ubah bebas yang diuji adalah signifikan dengan pemboleh ubah bersandar.

## ABSTRACT

Poverty and quality of life in Kuala Terengganu have become important issues as the household pertain in poor group. As emphasized in The Ninth Malaysia Plan, poverty eradication in Kuala Terengganu is one of the important aspects. Poverty eradication in Kuala Terengganu should emphasize on the development of the leading productive sector which is able to provide more employment opportunities to the locals. The main purpose of this study is to analyze the pattern of household income and expenditure pattern in Kuala Terengganu. Previous research conducted by Joseph P. Dejuan (1999) and Joanne Cutler (2005), showed that it has a strong relationship between incomes, wealth and household expenditures. Therefore this study focused on the incomes, consumptions, loan, saving, and standards of household. Data used in this paper was the primary data that were collected through questionnaire method and 100 respondents were selected randomly in the vicinity of Kuala Terengganu. SPSS software was used to analyze the data. The correlation results from the SPSS showed that, saving have a very strong relationship with the total income. Where as food and transportation or communication expenses have strong relationship with the total income. As for expenses for health showed the modest relationship with the total incomes. While the relationship among education expenses with total income and loan were in the modest range. However, the regression analysis showed that all independent variables were significant with the dependent variables.